

06/08/2001

Umno Indera Kayangan bersiap hadapi pilihan raya

KANGAR, Ahad - Semua lapan cawangan Umno di Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, di sini, mengadakan mesyuarat serentak malam tadi khusus membincang persiapan menghadapi pilihan raya.

Mesyuarat diadakan di kawasan masing-masing itu, dihadiri dua ahli jawatankuasa peringkat bahagian bagi merekod agenda mesyuarat untuk diserahkan kepada pucuk kepimpinan Umno negeri.

Mesyuarat itu diadakan selepas dua hari perjumpaan khas antara pemimpin Umno kawasan Indera Kayangan dengan Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim, di Dewan Warisan, Khamis lalu.

Indera Kayangan merangkumi cawangan Umno Kampung Bakau, Taman kemajuan, Guar Syed Alwi, Behor Gandil, Pangkalan Asam, Padang Katong, Indera Kayangan dan Taman Bukit Kaya.

Ketua cawangan Kampung Bakau, Yahya Mat Hassan, berkata seperti yang diarahkan, mesyuarat malam tadi hanya tertumpu kepada operasi bilik gerakan dan gerak kerja pilihan raya.

"Bilik gerakan di setiap cawangan di Indera Kayangan juga diarah dibuka secepat mungkin sebagai persiapan kemungkinan pilihan raya.

"Seperti diarahkan, mesyuarat itu sudah memutuskan tenaga gerak kerja peti undi, termasuk perayu undi, komunikasi, pengangkutan, makanan dan risikan," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Ketua cawangan Pangkalan Asam, Mokhtar Abdul Karim pula berkata, cawangan Umno di Indera Kayangan mendapat peruntukan khas RM500 daripada pucuk kepimpinan Umno negeri.

Beliau yang juga Setiausaha Umno bahagian Kangar berkata, peruntukan itu bertujuan mengurus perjalanan dan bilik gerakan yang diarah beroperasi sekarang.

Akhbar ini baru-baru ini melaporkan Pengerusi MCA Perlis, Datuk Khor Liang Tee, dipercayai akan meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Indera Kayangan.

Beliau dikatakan menyerah surat peletakan jawatannya itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas alasan kesihatan.

Bagaimanapun laporan yang memetik Khor, 59 yang menghidap penyakit barah usus sejak dua tahun lalu, menafikan peletakan jawatannya itu dan menyatakan beliau belum berhasrat berbuat demikian.

Khor adalah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri dan Pengerusi MCA sejak 1990 dan mengekal jawatan Adun sejak tiga penggal.

Sementara itu, seorang penduduk Indera Kayangan, Mansor Yaakob, terkejut dan terharu selepas melihat gambar terkini Khor yang jauh berubah.

"Ini kali pertama saya melihat wajah Khor di media cetak dan elektronik semalam dan perubahan fizikal terhadap dirinya jauh berbeza ketika saya melihatnya dua tahun lalu," katanya.

(END)